



PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH  
(RISDA)  
(KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR)

Bangunan RISDA, KM 7, Jalan Ampang,  
Karung Berkunci 11067,  
50990, Kuala Lumpur

Tel : 03-4256 4022

Faks : 03-4256 7944

Laman Web : <http://www.risda.gov.my>

Ruj.Kami : RISDA.100-1/7/1 Jld. 3 (43)  
Tarikh : 11 Februari 2021  
28 Jamadilakhir 1442H

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah RISDA Negeri

Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Semua Pegawai RISDA Daerah/Jajahan/Bahagian

Tuan,

#### ARAHAN KETUA PENGARAH BILANGAN 11 TAHUN 2021

#### GARIS PANDUAN PROGRAM AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (AET) (SKIM START-UP DAN NANO)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Usahawan dan Keusahawanan RISDA (JIPUKR) bilangan 1 tahun 2021 bertarikh 26 Januari 2021 telah meluluskan Garis Panduan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (Skim Start-up dan Nano) bagi memantapkan dasar, peraturan dan prosedur pelaksanaannya di peringkat Ibu Pejabat dan Pusat Tanggungjawab.

3. Bersama ini disertakan Garis Panduan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) (Skim Start-up dan Nano) untuk dijadikan panduan dalam merancang dan melaksanakan program ini di lapangan.

1/2

MEMACU MASYARAKAT PEKEBUN KECIL MAKMUR DARIPADA SUMBER KOMODITI DAN HASIL BAHARU BERLANDASKAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN DIGITAL SERTA TEKNOLOGI HIJAU



Ruj.Kami : RISDA.100-1/7/1 Jld. 3 (43)

4. Oleh yang demikian, semua Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan garis panduan ini dipatuhi pelaksanaanya di peringkat lapangan. Dengan keluarnya arahan ini maka Arahan Ketua Pengarah bilangan 25 Tahun 2015 - Garis Panduan Pelaksanaan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan RMKe-11 ( 2016 - 2020 ) adalah dibatalkan.


5. Arahan ini berkuatkuasa mulai 01 Mac 2021.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**


**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(ABDULLAH BIN ZAINAL)  
Ketua Pengarah  
RISDA

s.k : i. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)

AZ/MNI/kak/ localdisk/uppa/2021/aet



# **GARIS PANDUAN**

## **PELAKSANAAN PROGRAM AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (INSENTIF *START-UP* DAN NANO)**

**DISEDIAKAN OLEH:  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN  
IBU PEJABAT RISDA**

## SENARAI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	M/S
1.0	PENGENALAN	1
2.0	OBJEKTIF PROGRAM	2
3.0	DEFINISI	2
4.0	KELAYAKAN PEMOHON	4
5.0	<p>JENIS PERNIAGAAN</p> <p style="padding-left: 20px;">5.1 Pengeluaran Produk Makanan</p> <p style="padding-left: 20px;">5.2 Pengeluaran Produk Bukan Makanan</p> <p style="padding-left: 20px;">5.3 Pengeluaran Produk Pertanian</p> <p style="padding-left: 20px;">5.4 Perkhidmatan Pemasaran</p> <p style="padding-left: 20px;">5.5 Perkhidmatan Bukan Pemasaran</p>	5
6.0	<p>KOMPONEN SKIM INSENTIF <i>START-UP</i></p> <p style="padding-left: 20px;">6.1 Syarat Khusus Skim Insentif <i>Start-up</i></p> <p style="padding-left: 20px;">6.2 Strategi Pelaksanaan</p> <p style="padding-left: 20px;">6.3 Tatacara Pelaksanaan</p> <p style="padding-left: 20px;">6.4 Bidang dan Skop Bantuan</p> <p style="padding-left: 20px;">6.5 Kadar Bantuan</p>	7
7.0	<p>KOMPONEN SKIM INSENTIF NANO</p> <p style="padding-left: 20px;">7.1 Syarat Khusus Skim Insentif Nano</p> <p style="padding-left: 20px;">7.2 Strategi Pelaksanaan</p> <p style="padding-left: 20px;">7.3 Tatacara Pelaksanaan</p> <p style="padding-left: 20px;">7.4 Bidang dan Skop Bantuan</p> <p style="padding-left: 20px;">7.5 Kadar Bantuan</p>	15
8.0	<p>JAWATANKUASA MELULUS</p> <p style="padding-left: 20px;">8.1 Mesyuarat Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA Daerah (JPKRISD)</p> <p style="padding-left: 20px;">8.2 Mesyuarat Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA</p>	20

	Negeri (JPKRISN) 8.3 Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program Keusahawanan RISDA (JIPKRIS)	
9.0	KAEDAH PEMBAYARAN DAN PEROLEHAN	22
10.0	CARTA ALIR KERJA PROGRAM AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (SKIM INSENTIF START-UP DAN NANO)	22
11.0	LAPORAN	22
12.0	PENGUKUHAN SISTEM PEMANTAUAN 12.1 Carta Perbatuan 12.2 Analisis dan Kajian Impak Melalui Laporan 12.3 Pemantauan Melalui Mesyuarat JTPR Negeri dan Daerah 12.4 Semakan dan Auditian	23
13.0	SOALAN LAZIM	24
14.0	PENUTUP	24

## PROGRAM AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (SKIM INSENTIF *START-UP* DAN NANO)

### 1.0 PENGENALAN

Masalah ketidakstabilan harga komoditi getah di pasaran menyebabkan pelbagai implikasi terhadap pekebun kecil. Mereka tidak boleh hanya bergantung hidup atas pendapatan daripada kebun getah sahaja. Oleh itu alternatif paling baik untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil adalah melalui aktiviti keusahawanan. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta RISDA terus komited untuk mensejahtera dan meningkatkan pendapatan masyarakat pekebun kecil melalui aktiviti-aktiviti keusahawanan. Bagi merealisasikan hasrat ini, RISDA melalui Program Aktiviti Ekonomi Tambahan atau lebih dikenali sebagai AET menggalakkan Pekebun Kecil melibatkan diri dalam bidang keusahawanan bagi menjana pendapatan tambahan selain daripada aktiviti perladangan.

Program AET merupakan bantuan geran *one off* kepada pekebun kecil untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan penglibatan pekebun kecil dalam bidang keusahawanan, peningkatan pengeluaran produk, menambahbaik mutu/ kualiti dan nilai produk bagi memenuhi permintaan pasaran melibatkan lima jenis perniagaan utama iaitu Pengeluaran Produk Makanan, Pengeluaran Produk Bukan Makanan, Pengeluaran Produk Pertanian, Perkhidmatan Pemasaran dan Perkhidmatan Bukan Pemasaran.

Bagi memantapkan pelaksanaan program ini, RISDA telah merancang dan menetapkan pelan tindakan baru Program AET yang lebih berkesan bagi memperbaiki taraf sosio-ekonomi pekebun kecil. Ia dirangka bagi mencapai objektif RISDA agar pekebun kecil memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM2,500.00 sebulan sekeluarga hasil daripada aktiviti keusahawanan.

Proses transformasi ini dirangka supaya fokus insentif diberikan mengikut kategori usahawan. Ini bagi memenuhi kehendak dan keperluan perniagaan berasaskan kepada faktor pengeluaran yang dikenalpasti menjadi punca

masalah yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti kapasiti pengeluaran mahupun mutu/ kualiti produk/ perkhidmatan. Pemberian skim insentif ini terdiri daripada dua (2) jenis iaitu Skim Insentif *Start-up* dan Skim Insentif Nano.

## **2.0 OBJEKTIF PROGRAM**

- 2.1 Menggalakkan penglibatan Pekebun Kecil sebagai usahawan bagi menjana pendapatan tambahan di samping aktiviti perladangan.
- 2.2 Menggalakkan usahawan pekebun kecil mengoptimumkan sumber sedia ada serta menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk maksimumkan pendapatan.
- 2.3 Menambahbaik mutu/ kualiti dan nilai produk usahawan mengikut piawaian yang digunakan oleh industri untuk bersaing dengan produk lain di pasaran.
- 2.4 Membantu usahawan mengembangkan perniagaan melalui aspek pengurusan pengeluaran untuk memenuhi permintaan pasaran.
- 2.5 Meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui aktiviti keusahawanan sekurang-kurangnya RM2,500.00 sebulan sekeluarga.

## **3.0 DEFINISI**

### **3.1 Pekebun Kecil**

- 3.1.1 Pekebun Kecil adalah pemilik tanah yang jumlah keluasan kurang daripada 40 hektar, bertanam getah dan berdaftar menyertai program/ projek pembangunan RISDA.
- 3.1.2 Pekebun Kecil (Pemilik Pengusaha) adalah Pekebun Kecil Getah memiliki tanah, mengurus dan mengusahakannya sendiri.
- 3.1.3 Ahli Isi Rumah (AIR) adalah ahli keluarga kepada Pekebun Kecil yang terdiri daripada sama ada suami/ isteri atau anak terutamanya yang tinggal serumah dengan Pekebun Kecil.

### 3.2 Kategori Usahawan

Usahawan RISDA dibahagikan kepada 5 kategori sepertimana yang diguna pakai oleh Kementerian Pembangunan Luar bandar (KPLB) berdasarkan jumlah jualan tahunan dan saiz operasi.

KATEGORI USAHAWAN	BILANGAN PEKERJA	JUALAN TAHUNAN (RM)
PICO	< 5	< RM60,000.00
NANO	< 5	RM60,000.00 – RM150,000.00
MIKRO	< 5	RM150,000.00 – RM300,000.00
KECIL	5-75	RM300,000.00 – RM15,000,000.00
SEDERHANA	75-200	>RM15,000,000.00

### 3.3 Skim Insentif *Start-up*

Skim Insentif *Start-up* merupakan pemberian Insentif Permulaan Perniagaan kepada pekebun kecil atau AIR yang bercadang hendak memulakan atau baru menjalankan sesuatu perniagaan. *Start-up* juga merujuk kepada usahawan dalam kategori Pico yang mana perniagaannya masih di peringkat awal penubuhan dan sehingga sesuatu tempoh tertentu yang telah memperoleh jualan kurang daripada RM60,000.00 setahun. Selepas setahun menyertai skim ini, usahawan dijangka akan mencapai jualan melebihi RM60,000.000 setahun.

### 3.4 Skim Insentif Nano

Skim Insentif Nano pula merupakan pemberian Insentif Pemulaan Perniagaan yang memberi tumpuan kepada Pembangunan Produk/ Pengeluaran khususnya bagi usahawan pekebun kecil atau AIR dalam kategori Nano iaitu yang telah memulakan perniagaan bagi tempoh masa tertentu dan telah memperoleh jualan antara RM60,000.00 ke RM150,000.00 setahun. Selepas setahun menyertai skim ini, usahawan dijangka akan mencapai jualan melebihi RM150,000.00 setahun.



### 3.5 Syarikat Anchor/ Integrator

Syarikat-syarikat tempatan, Syarikat Milikan RISDA (SMR), Koperasi Pekebun Kecil (KPK) atau Usahawan Kategori Mikro dan ke atas yang dilantik bagi membangunkan usahawan melalui pakej yang ditawarkan oleh syarikat berkenaan dan telah menandatangani dokumen perjanjian bersama RISDA.

## 4.0 KELAYAKAN PEMOHON

- 4.1 Pemohon mestilah seorang Pekebun Kecil Getah (pemilik pengusaha) atau Ahli Isi Rumah (isteri/ suami/ anak - **keutamaan yang tinggal serumah**) Warganegara Malaysia yang berdaftar dengan RISDA dalam Sistem Statistik Pekebun Kecil (e-SPeK). Sekiranya belum didaftarkan, pemohon perlu didaftarkan di Pusat Tanggungjawab.
- 4.2 Pemohon telah melalui tapisan rekrutmen dan menjalani ujian psikometrik.
- 4.3 Keutamaan kepada peserta tanam semula yang masih dalam bantuan.
- 4.4 Keutamaan kepada pemohon yang berpendapatan kurang daripada RM4,395.00 sebulan sekeluarga (Kategori B40).
- 4.5 Keutamaan kepada pekebun kecil yang berumur antara 18-60 tahun yang mempunyai minat dan kesungguhan dalam menjalankan aktiviti perniagaan.
- 4.6 Bersedia dan sanggup untuk menghadiri sebarang jenis latihan dan kursus samada teknikal atau kemahiran yang ditentukan RISDA sebelum dan semasa melaksanakan perniagaan.
- 4.7 Bersedia dan sanggup untuk memuat turun aplikasi *RISDA Entrepreneur Delivery System (REDS)* di *Google Playstore* dan mengemaskini rekod urusanniaga secara konsisten (harian/ mingguan/ bulanan) dengan menggunakan aplikasi tersebut.
- 4.8 Berkemampuan menjalankan bisnes/ perniagaan secara separuh atau sepenuh masa dan berupaya mencapai sasaran pendapatan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- 4.9 Bersedia untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan sendiri dalam mengembangkan perniagaan.

## **5.0 JENIS PERNIAGAAN**

### **5.1 Pengeluaran Produk Makanan**

5.1.1 Kluster perniagaan di bawah pengeluaran produk makanan adalah seperti berikut:

- i. Makanan Ringan/ Segera
- ii. Makanan Tradisional
- iii. Makanan Sejuk Beku
- iv. Kek/ Roti/ Biskut
- v. Rempah Ratus/ Bahan Masakan
- vi. Perencah/ Pencicah/ Sos
- vii. Minuman/ Kordial
- viii. Herba/ Kecantikan/ Kesihatan
- ix. Lain-lain kluster perniagaan yang mendapat kebenaran Pengarah Program

### **5.2 Pengeluaran Produk Bukan Makanan**

5.2.1 Kluster perniagaan di bawah pengeluaran produk bukan makanan adalah seperti berikut:

- i. Berasaskan Kayu
- ii. Berasaskan Logam
- iii. Berasaskan Tanah Liat/ Pasir
- iv. Berasaskan Bahan Binaan
- v. Berasaskan Tekstil
- vi. Berasaskan Getah/ Sawit
- vii. Berasaskan Bahan Organik/ Tumbuhan/ Haiwan
- viii. Lain-lain kluster perniagaan yang mendapat kebenaran Pengarah Program

### **5.3 Pengeluaran Produk Pertanian**

5.3.1 Kluster perniagaan di bawah pengeluaran produk pertanian adalah seperti berikut:

- i. Tanaman
- ii. Ternakan
- iii. Akuakultur

## **5.4 Perkhidmatan Pemasaran**

5.4.1 Contoh perniagaan di bawah perkhidmatan pemasaran adalah seperti berikut:

- i. Rakan Strategik Pemasaran
- ii. Rakan Pemasaran
- iii. Pengedar
- iv. Agen
- v. Kedai Runcit/ Barang Basah
- vi. Pemasaran lain yang mendapat kebenaran Pengarah Program

## **5.5 Perkhidmatan Bukan Pemasaran**

5.5.1 Contoh perniagaan di bawah perkhidmatan bukan pemasaran adalah seperti berikut:

- i. Andaman dan Butik
- ii. Bengkel Baiki kenderaan
- iii. Bengkel Cuci Kenderaan
- iv. Bengkel Jahitan
- v. Bengkel Kimpalan Besi/ Kaca
- vi. Fotografi
- vii. Homestay/ Resort
- viii. Katering & Kanopi
- ix. Kedai Baiki Barang Elektik/ Elektronik
- x. Kedai Gunting Rambut
- xi. Kedai Krafftangan
- xii. Kedai Makan
- xiii. Kedai Pakaian
- xiv. Kontraktor Binaan
- xv. Logistik & Pengangkutan
- xvi. Nurseri
- xvii. Online Service
- xviii. Pendawaian Elektrik
- xix. Penyenggaraan Kebun
- xx. Pencetakan dan Pengiklanan

- xxi. Proses Ayam
- xxii. Proses Baja
- xxiii. Proses Santan
- xxiv. Sewa Kereta
- xxv. Sewa Bot
- xxvi. Sewa Kanopi/ PA Sistem
- xxvii. Spa Kecantikan/ Kedai Gunting Rambut/ Kesihatan
- xxviii. Taska
- xxix. Urutan/ Refleksologi
- xxx. Jahitan
- xxxi. Gunting Rambut
- xxxii. Bengkel Baiki Kenderaan
- xxxiii. Kedai Dobi
- xxxiv. Lain-lain perniagaan yang mendapat kebenaran Pengarah Program

## **6.0 KOMPONEN SKIM INSENTIF *START-UP***

### **6.1 Syarat Khusus Skim Insentif *Start-up***

- 6.1.1 Pemohon mestilah seorang pekebun kecil atau AIR yang belum memulakan perniagaan atau,
- 6.1.2 Pemohon yang telah menjalankan perniagaan kurang daripada 3 tahun dengan jualan kurang daripada RM60,000.00 setahun.

### **6.2 Strategi Pelaksanaan**

- 6.2.1 Memberi fokus kepada Pekebun Kecil (pemilik pengusaha) atau Ahli Isi Rumah (isteri/ suami/ anak tinggal serumah) di bawah kategori B40 yang berminat, berpengetahuan dan berkemahiran untuk menjana pendapatan daripada aktiviti keusahawanan.
- 6.2.2 Meneroka jenis perniagaan berimpak tinggi dan kebolehpasaran (*market driven*) untuk memberi pulangan lumayan dalam tempoh jangka panjang kepada pekebun kecil/ ahli isi rumah.

### 6.2.3 Secara Individu

- i. Bantuan diberikan mengikut keperluan perniagaan masing-masing.
- ii. Pelaksanaan perniagaan secara individu.

### 6.2.4 Secara Integrator

- i. Kriteria dan syarat kelayakan syarikat *anchor*/integrator
  - Syarikat-syarikat Bumiputera tempatan, SMR, KPK dan usahawan kategori mikro dan ke atas yang telah beroperasi sekurang-kurangnya 5 tahun;
  - Mempunyai kekuatan produk dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan di bawah Skim Insentif *Start-up* Secara Integrator;
  - Keutamaan kepada usahawan bimbingan RISDA kategori mikro dan ke atas yang mampu menjadi *anchor* kepada usahawan baru;
  - Mempunyai rangkaian pemasaran yang luas bagi produk atau perkhidmatan yang ditawarkan;
  - Mempunyai sumber kewangan yang kukuh untuk menjadi *anchor* Skim Insentif *Start-up* Secara Integrator, dan
  - Menyertakan profil syarikat yang mengandungi salinan SSM, Sijil Kementerian Kewangan, penyata bank bagi tiga bulan terkini, dan dokumen yang berkaitan).
  
- ii. Peranan
  - a. RISDA
    - Berperanan sebagai pemantau bagi pelaksanaan Skim Insentif *Start-up* Secara Integrator;
    - Melaksanakan segala dasar, strategi dan hala tuju pelaksanaan Skim Insentif *Start-up* Secara Integrator meliputi aspek pembangunan usahawan, pembiayaan dan latihan;
    - Mengenalpasti syarikat *anchor* dan memudahcara peluang-peluang perniagaan untuk dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan;

- Mengenalpasti dan menyelaraskan pakej bantuan dan khidmat sokongan yang disediakan oleh kementerian/agensi lain untuk dimanfaatkan oleh syarikat anchor dan usahawan;
- Merancang, memantau, mengkaji dan menilai keberkesanan pelaksanaan Skim Insentif *Start-up Secara Integrator*;
- Mengenalpasti dan suaipadankan usahawan kepada *anchor* mengikut bidang kepakaran masing-masing;
- Menguruskan latihan kepada usahawan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka;
- Memantau dan melaporkan pelaksanaan Skim Insentif *Start-up Secara Integrator* kepada jawatankuasa berkaitan dan pihak pengurusan RISDA;
- Mengesah dan memperakukan tuntutan syarikat *anchor*;
- Menetapkan KPI yang jelas serta memantau prestasi syarikat *anchor* dan usahawan, mengumpul data serta melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan dalam Skim Insentif *Start-up Secara Integrator*; dan
- Melaksanakan kajian impak dan outcome Skim Insentif *Start-up Secara Integrator*

b. Syarikat *anchor*

- *Key Performance Indicator (KPI)* yang jelas disediakan oleh syarikat *anchor* mengenai pencapaian Skim Insentif *Start-up Secara Integrator* supaya pencapaian dapat dipantau. Pencapaian dan progress pelaksanaan ini hendaklah dilaporkan dalam JIPKRIS;
- Mewujudkan pelan pembangunan usahawan yang komprehensif berdasarkan dasar dan matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak RISDA;
- Mengenalpasti skop perkhidmatan/ produk dan usahawan yang layak untuk menyertai Skim Insentif *Start-up Secara Integrator*;

- Mengenalpasti bidang/ aktiviti/ komponen perniagaan serta perkhidmatan yang berpotensi untuk ditawarkan kepada usahawan;
- Menyediakan peluang pasaran dengan menawarkan (outsourc) komponen atau perkhidmatan yang diperlukan kepada usahawan untuk satu tempoh masa tertentu;
- Memberi latihan dan bimbingan kepada usahawan-usahawan yang dilantik;
- Memberi keutamaan dari segi perolehan syarikat kepada usahawan;
- Bekerjasama dengan RISDA bagi membantu membimbing usahawan supaya berdaya tahan dan berdaya saing bagi menembusi pasaran global;
- Memberi bimbingan teknikal, khidmat nasihat dan melaksanakan audit bagi membolehkan usahawan mencapai tahap daya saing di pasaran terbuka;
- Memantau kemajuan dan melaporkan prestasi usahawan sebulan sekali atau apabila diperlukan kepada RISDA; dan
- Memantau usahawan secara berterusan supaya produk/ perkhidmatan yang dihasilkan mematuhi standard dan kualiti yang ditetapkan serta kompetitif.

c. Usahawan

- Memastikan *Key Performance Indicator (KPI)* yang ditetapkan mampu dicapai. Penetapan KPI hendaklah mendapat persetujuan RISDA dan syarikat *anchor*;
- Mengeluar dan membekal komponen atau sepenuhnya produk atau perkhidmatan kepada syarikat *anchor*;
- Memastikan tahap kualiti produk, kos, reka bentuk dan penghantaran memenuhi spesifikasi dan terma yang telah ditetapkan oleh syarikat *anchor*;

- Mengikuti program/kursus/bengkel penambahbaikan dan peningkatan dalam aspek-aspek berkaitan yang dianjurkan oleh RISDA serta syarikat *anchor* dari semasa ke semasa;
- Mengemukakan laporan kemajuan sebulan sekali atau apabila diperlukan kepada syarikat *anchor* dan RISDA;
- Merekod dan mengemaskini kewangan dalam Sistem aplikasi (REDS) serta mengekalkan rekod kewangan yang baik; dan
- Menyediakan pelan perancangan perniagaan termasuk unjuran aliran tunai, pemasaran dan pengurusan sepanjang tempoh di bawah Skim Insentif *Start-up* Secara Integrator.

### iii. Pemilihan Syarikat Integrator / Anchor

- Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU)/ Pejabat RISDA Negeri (PRN) berperanan mengesyorkan usahawan/ syarikat bumiputera tempatan yang memenuhi kriteria untuk dibangunkan sebagai *anchor*. Keutamaan diberi kepada usahawan bimbingan RISDA kategori mikro dan ke atas/ Syarikat Milikan RISDA (SMR)/ Koperasi Pekebun Kecil (KPK) yang menepati syarat;
- Cadangan usahawan/ syarikat anchor/ SMR/ KPK yang dicadangkan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program Keusahawanan RISDA (JIPKRIS) untuk kelulusan pelaksanaan program. Syarikat *anchor* perlu membentangkan profail syarikat, kertas cadangan pelaksanaan program keusahawanan, model bisnes dan pelan perniagaan untuk kelulusan seperti di **Lampiran A**.
- Setelah kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program Keusahawanan RISDA (JIPKRIS) diperolehi, surat lantikan kepada Syarikat *anchor* akan dikeluarkan oleh BPU;



- Satu Perjanjian antara RISDA dan syarikat *anchor* akan ditandatangani seperti di **Lampiran B**;
- Bengkel atau latihan hendaklah menjadi sebahagian daripada pakej Skim Insentif *Start-up* Secara Integrator yang perlu disediakan oleh syarikat *anchor* dan terkandung dalam terma perjanjian;
- Operasi hendaklah dimulakan sebaik sahaja syarikat *anchor* menerima surat perlantikan dan tarikh yang dipersetujui menjadi tarikh permulaan Skim Insentif *Start-up* Secara Integrator tersebut serta tarikh pada perjanjian; dan
- Syarikat *anchor* hendaklah menghantar laporan projek bergambar setiap bulan sebelum atau pada 5hb kepada BPU sepanjang pelaksanaan program ini.

iv. Pemilihan Usahawan:

PRN bertanggungjawab mencari peserta yang berminat dan berpotensi hasil daripada tapisan Program Rekrutmen atau semakan melalui Sistem e-SPeK.

### 6.3 Tatacara Pelaksanaan

- 6.3.1 Pemohon baru atau penerima bantuan tanam semula perlu berdaftar melalui Program Rekrutmen.
- 6.3.2 PRN perlu menyemak dan memastikan maklumat permohonan lengkap diisi.
- 6.3.3 BPU/ PRN perlu membuat semakan senarai pemohon melalui Sistem e-SPeK.
- 6.3.4 Sekiranya pemohon belum berdaftar dan memenuhi syarat sebagai pekebun kecil getah/ AIR, BPU akan serahkan kepada PRN untuk semakan kelayakan dan pendaftaran Sistem e-SPeK.
- 6.3.5 Pemohon yang memenuhi syarat sebagai Pekebun Kecil/ AIR akan melaksanakan ujian psikometrik keusahawanan RISDA.

- 6.3.6 BPU akan membuat analisis dan menyerahkan senarai permohonan kepada PRN untuk tindakan selanjutnya.
- 6.3.7 Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan perlu mengisi borang dan senarai semak Permohonan Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) seperti di **Lampiran 1a dan 1b**. Borang permohonan tersebut perlu disertakan bersama Kertas Kerja Rancangan Perniagaan seperti di **Lampiran 2**.
- 6.3.8 PRN/ PRD/ PRS perlu memastikan borang permohonan dan kertas kerja rancangan perniagaan diisi dengan lengkap sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA Negeri/Daerah (JPKRISN/D) untuk kelulusan. Pembentangan kertas kerja permohonan perlu dibentangkan mengikut format seperti di **Lampiran 3**.
- 6.3.9 Diingatkan ahli mesyuarat JPKRISN/D untuk menandatangani *Integrity Pact* setiap kali mesyuarat dijalankan.
- 6.3.10 PRN/ PRD/ PRS bertanggungjawab menyelaras dan memaklumkan status permohonan kepada pemohon setelah selesai mesyuarat JPKRISN/D mengikut format seperti di **Lampiran 4**.
- 6.3.11 PRN/PRD perlu memastikan pemohon yang telah diluluskan melalui JPKRISN/D menandatangani Borang Setuju Terima Program AET dan Surat Aku Janji Pelaksanaan Program AET seperti di **Lampiran 1c dan 1d**.
- 6.3.12 PRN/ PRD perlu menyelaras urusan perolehan dan pembekalan komponen bantuan mengikut keputusan kelulusan mesyuarat JPKRISN/D. Urusan pembayaran hendaklah menggunakan kod kewangan seperti diarahkan dalam Panduan Pematuhan Peraturan Kewangan RISDA No.2 Tahun 2003 melalui Surat Bil (77) dlm.7.0/9480.16 Klt.9 bertarikh 11 Mac 2003 atau Panduan Pematuhan Peraturan Kewangan berkaitan kod kewangan Program AET yang berkuatkuasa.

- 6.3.13 Pemohon perlu hadir ke Kursus Asas Perniagaan dan lain-lain kursus berkaitan yang diputuskan oleh pengurusan RISDA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Kapasiti RISDA (JPKR).
- 6.3.14 PRN/ PRD/ PRS/ PPP perlu menyelaraskan pendaftaran pengguna aplikasi REDS sebaik sahaja keputusan kelulusan diperolehi daripada JPKRISN/D.
- 6.3.15 PRN/ PRD/ PRS/ PPP perlu memastikan semua penerima bantuan menggunakan aplikasi mobile REDS sebelum pembekalan komponen bantuan dibuat sebagai pra-syarat utama. Maklumat berkaitan profil usahawan, syarikat dan perniagaan perlu diisi lengkap termasuk rekod urusanniaga. Pembuktian penggunaan aplikasi REDS perlu disertakan ketika pembekalan komponen bantuan seperti di **Lampiran 5**.
- 6.3.16 PRN/ PRD/ PRS/ PPP perlu memantau prestasi pendapatan bulanan penerima bantuan secara konsisten melalui aplikasi mobile REDS. Input tunai masuk/ keluar perlu dipraktikkan secara harian bagi memastikan urusanniaga yang dijalankan direkod secara sistematik untuk mendapatkan hasil impak yang produktif dan berkesan.
- 6.3.17 PRN/ PRD/ PRS perlu melaksanakan semakan mengejut ke atas projek AET sekurang-kurangnya sepuluh peratus (10%) daripada jumlah kelulusan AET di bawah tanggungjawab pejabat RISDA Negeri tahun semasa.

#### 6.4 Bidang dan Skop Bantuan

- 6.4.1 Skop bantuan merangkumi perkara seperti berikut:
- i. Pembelian peralatan
  - ii. Pembelian mesin
  - iii. Bina baharu atau baik pulih bengkel/ premis perniagaan
  - iv. Bina baharu atau baik pulih pagar/ kandang/ reban/ kolam
  - v. Bayaran kos penyediaan tapak
  - vi. Pembelian baka ternakan

- vii. Pembelian bahan mentah/ input pertanian
- viii. Pembelian makanan ternakan & ubat-ubatan
- ix. Papan tanda perniagaan
- x. Insurans Perlindungan premis/ peralatan/ mesin/
- xi. Lain-lain input perniagaan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA Negeri/ Daerah (JPKRISN/D)

## 6.5 Kadar Bantuan

### 6.5.1 Skim Insentif *Start-up* Secara Individu

Had maksimum bantuan Skim Insentif *Start-up* Secara Individu adalah RM10,000.00 sekeluarga. Bantuan perlu mengikut skop yang ditetapkan berdasarkan keperluan perniagaan pemohon. Keutamaan perlu diberikan kepada komponen di bawah skop bantuan yang boleh membantu menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2, 500.00 sebulan sekeluarga.

### 6.5.2 Skim Insentif *Start-up* Secara Integrator

Had maksimum bantuan Skim Insentif *Start-up Secara Integrator* adalah RM20,000.00 sekeluarga. Bantuan perlu mengikut skop yang ditetapkan berdasarkan keperluan perniagaan pemohon. Keutamaan perlu diberikan kepada komponen di bawah skop bantuan yang boleh membantu menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2,500.00 sebulan sekeluarga.

## 7.0 KOMPONEN SKIM INSENTIF NANO

### 7.1 Syarat Khusus Skim Insentif *Nano*

- 7.1.1 Pemohon mestilah seorang Pekebun Kecil atau AIR yang telah memulakan perniagaan melebihi daripada 3 tahun dengan jualan di antara RM60,000.00 ke RM150,000.00 setahun.
- 7.1.2 Berdaftar perniagaan/ syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

## 7.2 Strategi Pelaksanaan

- 7.2.1 Memberi fokus kepada Pekebun Kecil atau Ahli Isi Rumah (isteri/suami/anak) di bawah kategori B40 yang mengeluarkan produk/ perkhidmatan untuk ditambah baik merangkumi aspek pengeluaran, pembungkusan dan pelabelan
- 7.2.2 Penumpuan diberikan kepada produk/ perkhidmatan keluaran usahawan pekebun kecil yang berorientasikan pasaran, memenuhi kehendak dan citarasa pelanggan serta berprestasi unggul.
- 7.2.3 Menyediakan kemudahan bantuan untuk menambahbaik kapasiti pengeluaran, mutu/ kualiti dan nilai produk/ perkhidmatan usahawan mengikut piawaian yang digunakan oleh industri untuk bersaing dengan produk/ perkhidmatan lain dalam pasaran.

## 7.3 Tatacara Pelaksanaan

- 7.3.1 Pemohon baru atau penerima bantuan tanam semula perlu berdaftar melalui Program Rekrutmen.
- 7.3.2 PRN perlu menyemak dan memastikan maklumat permohonan lengkap diisi.
- 7.3.3 BPU/ PRN perlu membuat semakan senarai pemohon melalui Sistem e- SPeK.
- 7.3.4 Sekiranya pemohon belum berdaftar dan memenuhi syarat sebagai pekebun kecil getah/ AIR, BPU akan serahkan kepada PRN untuk semakan kelayakan dan pendaftaran Sistem e-SPeK.
- 7.3.5 Pemohon yang memenuhi syarat sebagai Pekebun Kecil/ AIR akan melaksanakan ujian psikometrik keusahawanan RISDA.
- 7.3.6 BPU akan membuat analisis dan menyerahkan senarai permohonan kepada PRN untuk tindakan selanjutnya.
- 7.3.7 Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan perlu mengisi borang Permohonan Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) seperti di **Lampiran 1**. Borang

permohonan tersebut perlu disertakan bersama Kertas Kerja Rancangan Perniagaan seperti di **Lampiran 2**.

- 7.3.8 PRN/ PRD/ PRS perlu memastikan borang permohonan dan kertas kerja rancangan perniagaan diisi dengan lengkap sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA Negeri (JPKRISN) untuk kelulusan. Pembentangan kertas kerja permohonan perlu dibentangkan mengikut format seperti di **Lampiran 3**.
- 7.3.9 PRN/ PRD/ PRS bertanggungjawab menyelaraskan dan memaklumkan status permohonan kepada pemohon setelah selesai mesyuarat JPKRISN mengikut format seperti di **Lampiran 4**.
- 7.3.10 PRN/PRD perlu memastikan pemohon yang telah diluluskan melalui JPKRISN menandatangani Borang Setuju Terima Program AET dan Surat Aku Janji Pelaksanaan Program AET seperti di **Lampiran 1c dan 1d**.
- 7.3.11 PRN/ PRD perlu menyelaraskan urusan perolehan dan pembekalan komponen bantuan mengikut keputusan kelulusan mesyuarat JPKRISN. Urusan pembayaran hendaklah menggunakan kod kewangan seperti diarahkan dalam Panduan Pematuhan Peraturan Kewangan RISDA No.2 Tahun 2003 melalui Surat Bil (77) dlm.7.0/9480.16 Klt.9 bertarikh 11 Mac 2003 atau Panduan Pematuhan Peraturan Kewangan berkaitan kod kewangan Program AET yang berkuatkuasa.
- 7.3.12 Pemohon perlu hadir ke Kursus Asas Perniagaan dan lain-lain kursus berkaitan yang diputuskan oleh pengurusan RISDA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Kapasiti RISDA (JPKR).
- 7.3.13 PRN/ PRD/ PRS/ PPP perlu menyelaraskan pendaftaran pengguna aplikasi REDS sebaik sahaja keputusan kelulusan diperolehi daripada JPKRISN.
- 7.3.14 PRN/ PRD/ PRS/ PPP perlu memastikan semua penerima bantuan menggunakan aplikasi mobile REDS sebelum pembekalan komponen bantuan dibuat sebagai pra-syarat

utama. Maklumat berkaitan profil usahawan, syarikat dan perniagaan perlu diisi lengkap termasuk rekod urusan niaga. Pembuktian penggunaan aplikasi REDS perlu disertakan ketika pembekalan komponen bantuan seperti di **Lampiran 5**.

7.3.15 PRN/ PRD/ PRS/ PPP perlu memantau prestasi pendapatan bulanan penerima bantuan secara konsisten melalui aplikasi mobile REDS. Input tunai masuk/ keluar perlu dipraktikkan secara harian bagi memastikan urusan niaga yang dijalankan direkod secara sistematik untuk mendapatkan hasil impak yang produktif dan berkesan.

7.3.16 PRN/ PRD/ PRS perlu melaksanakan semakan mengejut ke atas projek AET sekurang-kurangnya sepuluh peratus (10%) daripada jumlah kelulusan AET di bawah tanggungjawab pejabat RISDA Negeri tahun semasa.

#### **7.4 Skop Bantuan**

##### **7.4.1 Peningkatan Pengeluaran Produk/ Perkhidmatan**

- i. Pembelian peralatan
- ii. Pembelian mesin
- iii. Bina baharu atau baik pulih bengkel/ premis perniagaan
- iv. Bina baharu atau baik pulih pagar/ kandang/ reban/ kolam
- v. Bayaran kos penyediaan tapak
- vi. Pembelian baka ternakan
- vii. Pembelian bahan mentah/ input pertanian
- viii. Pembelian makanan ternakan & ubat-ubatan
- ix. Papan tanda perniagaan
- x. Insurans Perlindungan premis/ peralatan/ mesin/
- xi. Lain-lain input perniagaan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA Negeri (JPKRISN)

#### 7.4.2 Pembungkusan & Pelabelan

- i. Pelaksanaan Bengkel Reka Bentuk Pembungkusan
- ii. Pengujian maklumat nutrisi makanan
- iii. Proses carian jenama (MyIPO)
- iv. Reka bentuk jenama
- v. Pendaftaran awal reka bentuk jenama
- vi. Merekebentuk pembungkusan/ pelabelan produk
- vii. Reka bentuk dan cetakan *Roll Up Bunting*
- viii. Cetakan pembungkusan (kos merangkumi sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah Skim Insentif Nano)
- ix. Cetakan logo RISDA berserta tulisan Usahawan Bimbingan RISDA pada setiap cetakan pembungkusan
- x. Lain-lain input pembungkusan dan pelabelan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA Negeri (JPKRISN)

- **Pemohon perlu memberi dokumen sokongan sebagai bukti tempat pasaran produk bagi pembungkusan yang dimohon**

#### 7.5 Kadar Bantuan

- 7.5.1 Had maksimum bantuan Skim Insentif Nano adalah RM20,000.00 bagi setiap usahawan. Bantuan perlu mengikut skop yang ditetapkan berdasarkan keperluan usahawan/ syarikat.
- 7.5.2 Keutamaan perlu diberikan kepada komponen di bawah skop bantuan yang boleh membantu menjana pendapatan lebih daripada RM2,500.00 sebulan sekeluarga.
- 7.5.3 Walaubagaimanapun usahawan di bawah Insentif Skim *Start-up* Secara Individu yang berjaya mencapai jualan RM60,000.00 setahun pada tahun berikutnya boleh dipertimbangkan untuk bantuan ini dengan kadar maksimum RM10,000.00.



## 8.0 JAWATANKUASA MELULUS

### 8.1 Mesyuarat Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA Daerah (JPKRISD)

Semua permohonan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (Skim Bantuan *Start-up* secara Individu sahaja) mestilah diluluskan di peringkat daerah atau negeri. Pegawai RISDA Daerah/ Jajahan/ Bahagian (PRD/ PRJ/ PRB) hendaklah mewujudkan satu Mesyuarat Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA Daerah (JPKRISD).

8.1.1 Keahlian jawatankuasa adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pegawai RISDA Daerah/ Jajahan/  
Bahagian (PRD/ PRJ/PRB)  
Setiausaha : Penyelaras Usahawan Negeri  
Ahli :  
Pegawai Kanan Gred 29 ke atas (sekurang-kurangnya 3 orang)

### 8.2 Mesyuarat Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA Negeri (JPKRISN)

Semua permohonan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (Skim Insentif *Start-up* secara Individu, Integrator dan Skim Insentif Nano) mestilah diluluskan di peringkat negeri. Pengarah RISDA Negeri (PRN) hendaklah mewujudkan satu Mesyuarat Jawatankuasa Program Keusahawanan RISDA Negeri (JPKRISN).

8.2.1 Keahlian jawatankuasa adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pengarah RISDA Negeri (PRN)  
Timb Pengerusi : Timbalan Pengarah RISDA Negeri  
(Pengerusi Ganti)  
Setiausaha : Penyelaras Usahawan Negeri  
Ahli :  
Semua Pegawai RISDA Daerah/ Jajahan/ Bahagian  
Dua orang Pegawai Kanan Gred 29 ke atas  
Penyelaras Usahawan Daerah (Yang berkaitan)  
Wakil Jabatan/ Agensi yang berkaitan (Jika perlu)

- Setiausaha perlu menyediakan Laporan seperti format di **Lampiran 6** untuk dibawa ke Mesyuarat JPKRISN

### 8.3 Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program Keusahawanan RISDA (JIPKRIS)

Semua permohonan sebagai syarikat *anchor* Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (Skim Insentif *Start-up* Secara Integrator) mestilah diluluskan di peringkat Ibu Pejabat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program Keusahawanan RISDA (JIPKRIS)

8.3.1 Keahlian jawatankuasa adalah seperti berikut:

Pengerusi : Ketua Pengarah RISDA

Timbalan Pengerusi: Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
(Pengerusi Ganti)

Setiausaha : Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan  
Ahli :

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat)

Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik/ Wakil

Pengarah Bahagian Tanam Semula & Peladangan/ Wakil

Pengarah Bahagian Pengembangan & Pemindahan Teknologi/ Wakil

Pengarah Bahagian Bekalan Input Pertanian/ Wakil

Pengarah Bahagian Produktiviti & Pemasaran/ Wakil

Pengarah Bahagian Program Khas/ Wakil

Pengarah Bahagian Kewangan & Belanjawan/ Wakil

Pengarah Bahagian Pelaburan & Pembangunan Syarikat/ Wakil

Pengarah Bahagian Latihan/ Wakil

Ahli Jemputan :

Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam/ Wakil

Bahagian Teknologi Maklumat/ Wakil

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia/ Wakil

Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Holding Sdn. Bhd./ Wakil

Wakil Agensi yang berkaitan

## 9.0 KAEDAH PEMBAYARAN DAN PEROLEHAN

Bagi peruntukan yang disalurkan kepada Pusat Tanggungjawab RISDA, semua urusan perolehan dan pembayaran projek di bawah program ini hendaklah mengikut tatacara perolehan dan peraturan kewangan RISDA yang sedang berkuatkuasa.

## 10.0 CARTA ALIR KERJA PROGRAM AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (SKIM INSENTIF *START-UP* DAN NANO)

Carta Alir Kerja Program Aktiviti Ekonomi Tambahan adalah seperti di **Lampiran 7**.

## 11.0 LAPORAN

PRN/PRD/PRJ/PRB adalah dikehendaki menyediakan Laporan Kemajuan Bulanan berdasarkan format yang disediakan seperti berikut:

BIL	JENIS LAPORAN	PERKARA	T/JAWAB	KEKERAPAN
1	Aplikasi <i>RISDA Entrepreneur Delivery System</i> (REDS)	Pendapatan dan Perbelanjaan Harian dan Bulanan	Usahawan	Setiap Hari
		Semakan REDS	PPK	2 Minggu sekali
2	LAPORAN PRESTASI KEWANGAN DAN FIZIKAL AET (Skim Insentif <i>Start-up</i> dan Nano) (Daerah/ Negeri/ Ibu Pejabat) (Format laporan di <b>Lampiran 8</b> )	Laporan Prestasi Kewangan AET Peringkat Daerah/Jajahan/Bahagian	PRD/ PRJ/ PRB	Sebulan sekali
		Laporan Prestasi Kewangan AET Peringkat Negeri	PRN	
		Laporan Prestasi Kewangan AET Peringkat Ibu Pejabat	BPU	
3	LAPORAN DATABASE AET (Daerah/Negeri/Ibu Pejabat) (Format laporan di <b>Lampiran 9</b> )	Laporan Kemajuan Fizikal dan Database AET Peringkat Daerah/ Jajahan/ Bahagian	PRD/PRJ/P RB	Sebulan sekali
		Laporan Kemajuan Fizikal dan Database AET Peringkat Negeri	PRN	
		Laporan Kemajuan Fizikal dan Database AET Peringkat Ibu Pejabat	BPU	

## 12.0 PENGUKUHAN SISTEM PEMANTAUAN

### 12.1 Carta Perbatuan

BIL	AKTIVITI	TAHUN SEBELUM			TAHUN SEMASA												
		OKT	NOV	DIS	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS	
1	PERMOHONAN DITERIMA MELALUI SISTEM REKRUTMENT																
2	SEMAKAN/ PENDAFTARAN SISTEM e-SPeK DIPERINGKAT PRN																
3	UJIAN PSIKOMETRIK DAN ANALISA UJIAN																
4	WARAN PERUNTUKAN																
5	PENYEDIAAN PERMOHONAN																
6	KELULUSAN PERMOHONAN JPKRIS NEGERI																
7	PENDAFTARAN APLIKASI MOBILE REDS																
8	PEMBEKALAN MESIN/ PERALATAN/ KELENGKAPAN LAIN																
9	BAYARAN																
10	PELAPORAN & PEMANTAUAN																

### 12.2 Analisis dan Kajian Impak Melalui Laporan

Bermula tahun 2021, semua Pusat Tanggungjawab perlu menganalisis laporan yang diterima dengan lebih terperinci bagi mengetahui impak pelaksanaan program di setiap peringkat Stesen/ Daerah/ Negeri/ Nasional. Analisis impak ini perlu dibentangkan secara berkala dalam mesyuarat JTPR di semua peringkat.

### 12.3 Pemantauan Melalui Mesyuarat JTPR Negeri dan Daerah

Pemantauan pelaksanaan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan dijadikan agenda tetap Mesyuarat JTPR Kebangsaan, Negeri dan Daerah supaya pelaksanaan Program berjalan lancar dan menepati objektif RISDA.

### 12.4 Semakan dan Auditan

Semakan dan Auditan ke atas semua perniagaan Aktiviti Ekonomi Tambahan akan dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali setahun di lapangan. Semakan akan dibuat oleh pasukan W2DFAC (*Walk to Delivery, Forensic, Advice and Coaching*) dari BPU/ PRN/ PRD. Pada masa yang sama Bahagian Pembangunan Usahawan akan bekerjasama dengan Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam dalam menangani penemuan dan teguran audit.

### **13.0 Soalan Lazim**

Soalan lazim seperti di **Lampiran 10**

### **14.0 Penutup**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab adalah dikehendaki untuk mematuhi dasar, prosedur dan peraturan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan seperti yang termaktub di dalam Garis Panduan ini supaya program ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin dan teratur.



SENARAI SEMAK PERMOHONAN PROGRAM AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (AET)

MAKLUMAT PEMOHON			
NAMA PEMOHON	:		
PUSAT TANGGUNGJAWAB	:		
KLUSTER PERNIAGAAN	:	PENGELUARAN PRODUK MAKANAN	[    ]
		PENGELUARAN PRODUK BUKAN MAKANAN	[    ]
		PERTANIAN	[    ]
		PERKHIDMATAN PEMASARAN	[    ]
		PERKHIDMATAN BUKAN PEMASARAN	[    ]
SKIM INSENTIF	:	START-UP [    ]	NANO [    ]

BIL	PERKARA	SEMAKAN (/)
SEBELUM KELULUSAN		
1	TAPISAN REKRUTMEN DAN SEMAKAN E-SPEK	
2	BORANG PERMOHONAN AET (SKIM INSENTIF <i>START-UP</i> DAN NANO)	
3	SALINAN KAD PENGENALAN PEMOHON	
4	SALINAN KAD PENGENALAN PEKEBUN KECIL	
5	SALINAN DOKUMEN GERAN TANAH & NO. SIC	
6	SENARAI PERALATAN/MESIN/BHN MENTAH BESERTA SEBUTHARGA	
7	KERTAS KERJA PELAN PERNIAGAAN	
8	<i>SOFTCOPY SLIDE</i> PEMBENTANGAN PROJEK ( <i>POWER POINT</i> )	
SELEPAS KELULUSAN		
1	SURAT KELULUSAN / PENOLAKAN	
2	SURAT SETUJU TERIMA	
3	SURAT AKUAN	

DISEDIAKAN OLEH: KETUA STESEN  
TANDATANGAN :

COP NAMA & JAWATAN :

TARIKH :

DISEMAK OLEH: PENYELARAS USAHAWAN DAERAH  
TANDATANGAN :

COP NAMA & JAWATAN :

TARIKH :



**BORANG PERMOHONAN BANTUAN AKTIVITI EKONOMI  
TAMBAHAN (AET) (SKIM INSENTIF *START-UP* DAN *NANO*)**

(Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah)

LAMPIRAN 1b

**BAHAGIAN A : MAKLUMAT PEMOHONAN**

PUSAT TANGGUNGJAWAB :

SKIM INSENTIF : START - UP  NANO

JUMLAH BANTUAN DIPOHON : RM

(SILA SERTAKAN SENARAI PERALATAN/ MESIN)

**BAHAGIAN B : MAKLUMAT PEMOHON**

NAMA :

NO KAD PENGENALAN :

(SILA SERTAKAN SALINAN KAD PENGENALAN)

UMUR :  BANGSA :

JANTINA : LELAKI  PEREMPUAN

STATUS : BUJANG  BERKAHWIN  DUDA  JANDA

IBU TUNGGAL

ALAMAT :

POSKOD :

NEGERI :

PARLIMEN :

DUN :

NO TEL. H/P :

NO TEL. RUMAH :

EMAIL :

**MAKLUMAT PEKEBUN KECIL**

TARAF PEMOHON : PEKEBUN KECIL   
AHLI ISI RUMAH  (SUAMI/ ISTERI/ ANAK PEKEBUN KECIL)  
POTONG YANG TIDAK BERKENAAN

NAMA PEKEBUN KECIL :

NO KAD PENGENALAN PEKEBUN KECIL :

NO SIC :

NO GERAN :

NO LOT :

MUKIM :

DAERAH :

(SILA SERTAKAN SALINAN GERAN)

JENIS TANAMAN : GETAH  LAIN - LAIN

**MAKLUMAT PERNIAGAAN**

JENIS PERNIAGAAN: PENGELUARAN PRODUK MAKANAN   
PENGELUARAN PRODUK BUKAN MAKANAN   
PERTANIAN   
PERKHIDMATAN PEMASARAN   
PERKHIDMATAN BUKAN PEMASARAN

KLUSTER :

NAMA SYARIKAT :

NO DAFTAR SYARIKAT :

JENAMA PRODUK :

KAPASITI PENGELUARAN SEMASA :

PURATA JUALAN BULANAN : RM



**PENGESAHAN OLEH PEN. PEGAWAI PERTANIAN RISDA**

SAYA TELAH MELAWAT DAN MENEMUBUAL PEMOHON PADA \_\_\_\_\_. DARIPADA HASIL TEMUBUAL DAN SIASATAN BERKENAAN LATAR BELAKANG PEMOHON DAN LOKASI PROJEK, MAKA SAYA **MENYOKONG / TIDAK MENYOKONG** PERMOHONAN INI KERANA :

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

TANDATANGAN :  
COP NAMA & JAWATAN :  
TARIKH :

**SOKONGAN PENYELARAS USAHAWAN DAERAH**

